

06/03/1999

Islam tidak tindas kaum minoriti: PM

Shamsul Kamal Amarudin

KOTA KINABALU, Jumaat - Islam dan umatnya akan lebih dihormati apabila ia dapat membuktikan pemerintahan adil serta memberi kesejahteraan kepada semua rakyat tanpa mengira kaum dan agama.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sebaliknya keadaan seperti rusuhan dan pemberontakan, mungkin berlaku jika pemerintahan majoriti orang Islam cuba memaksa penganut agama lain mematuhi semua perkara yang dianggap syariat Islam.

Menurut Perdana Menteri, banyak pemerintahan oleh majoriti orang Islam mula angkuh dan berpendapat mereka boleh memaksa orang lain menuruti apa yang dikatakan mengikut kehendak Islam.

"Apakah orang Islam yang cuba menekan, menindas serta memaksa orang lain menuruti kehendak kita boleh dianggap sebagai penganut agama yang baik?," katanya ketika berucap kepada pemimpin, pegawai dan guru agama Islam negeri di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis anjuran Jawatankuasa Gerakan Bersepadu Dakwah Islamiah Sama itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam dan Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Sabah (Muis), Datuk Matussin Awang Damit.

Dr Mahathir berkata, Islam tidak menyuruh umatnya yang mempunyai kuasa majoriti, menindas golongan minoriti kerana ia boleh menimbulkan kebencian, bukan saja terhadap pemerintahan orang Islam tetapi syariat Islam sendiri.

Beliau memberi contoh bagaimana masyarakat Islam yang lemah di Kosovo dan Albania mulai menanam perasaan tidak suka dengan penganut Kristian, apabila bangsa Eropah tidak melakukan sebarang tindakan terhadap kekejaman Serb Kristian.

Bagaimanapun Perdana Menteri bersyukur kerana keadaan itu belum berlaku di Malaysia kerana kerajaan sekarang menggunakan pendekatan sesuai dengan kedudukan umat sebagai majoriti, iaitu tidak cuba memaksa minoriti mengikut kehendak mereka.

Menurut Dr Mahathir, Islam memberi kelonggaran kepada umatnya dalam melaksanakan perkara membabitkan fardhu ain supaya mereka dapat beribadat dalam semua keadaan dan masa tanpa ada masalah.

"Hakikatnya, walaupun orang Islam menjadi majoriti di Malaysia, kita masih lemah dalam ilmu pengetahuan, sumber kekayaan serta kecekapan dalam pelbagai bidang.

"Ini menyebabkan umat Islam sukar menandingi orang lain sekiranya berlaku keadaan pemberontakan dan rusuhan dalam negara," katanya.

Perdana Menteri meminta umat Islam di negara ini mempereratkan perpaduan dan tidak mudah terpedaya dengan golongan yang cuba bertindak melemah atau memecahbelahkan ukhwah Islamiah.

Umat Islam juga, katanya, tidak harus mudah terpedaya dengan golongan yang bijak berpidato serta menafsirkan al-Quran berdasarkan kepentingan mereka.

Sebaliknya, umat Islam perlu membuktikan kejayaan mereka, terutama dalam pengurusan sumber kekayaan dan penguasaan dalam pelbagai bidang, yang menjadi faktor utama menarik kerjasama penganut agama lain.

"Berdakwah bukan menjelaskan hukum-hukum semata-mata tetapi membuktikan kepada orang lain kita tahu menguruskan sumber, adil kepada semua pihak, berjaya dalam pelbagai bidang serta mempunyai peribadi yang baik.

"Ia sekali gus menarik minat orang lain terhadap kita. Walaupun mereka

mungkin tidak memeluk Islam, ia sekurang-kurangnya meningkatkan penghormatan mereka kepada Islam," katanya.

(END)